

16 MAR 2002

Mahathir-Maaf/I

DR MAHATHIR GEMBIRA DENGAN PERMOHOHAN MAAF MAJALAH TIME

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 16 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad senang hati yang majalah Time telah memohon maaf terhadap laporan-laporan tidak tepat mengenai Malaysia dan berharap ia tidak akan berulang lagi.

"Saya senang hati yang mereka kini mendapati tuduhan yang mereka lemparkan terhadap kita adalah tidak tepat," kata beliau dalam persidangan media di penghujung lawatan rasmi tiga hari ke Russia di sini, pada Sabtu.

Beliau diminta mengulas langkah majalah Time memohon maaf kerana laporannya dalam edisi 11 Feb yang memburukkan imej Malaysia dengan memaparkannya sebagai markas penganas.

Permohonan maaf itu diterima melalui sepucuk surat bertarikh 28 Feb daripada ibu pejabat Time di Lancaster, London. Ia ditandatangani oleh penerbit bahagian antarabangsa Andrew Butcher yang menyatakan rasa kesalnya berhubung kesilapan itu.

"Sudah pasti saya rasa gembira dan saya berharap di masa depan mereka akan melaporkan dengan lebih tepat mengenai apa yang berlaku di Malaysia," kata Perdana Menteri yang berlepas ke Stuttgart untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Jerman.

Dalam edisi 11 Feb, majalah Time di kulit hadapannya memaparkan gambar bendera Malaysia dengan bintang pada bendera itu digantikan dengan wajah Osama bin Laden, memberi gambaran yang Malaysia sebuah negara penganas.

Mengenai kenyataan Pengarah Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat Robert S. Mueller III yang adalah tidak tepat menyatakan Malaysia markas untuk melancarkan serangan 11 Sept dan sebaliknya Malaysia telah bekerjasama dengan Washington dalam memerangi keganasan, Dr Mahathir berkata: "seperti apa yang beliau katakan, apa yang kita lakukan, kita telahpun melakukannya sebelum 11 Sept, yang bermakna kita melakukan ini (untuk memerangi keganasan) dengan sendiri."

Beliau mengulangi yang Malaysia akan terus bertindak tegas terhadap mereka yang berpotensi menjadi penganas di negara dan ia dilakukan atas kepentingan Malaysia.

"Jika kebetulan ia juga menjadi kepentingan Amerika Syarikat atau negara-negara lain, kita tiada masalah dengannya," kata Dr Mahathir, yang turut diiringi oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Turut hadir ialah Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Duta Malaysia ke Russia Datuk Kamaruddin Mustafa.

Mengenai keputusan Tabung Pencen California (CalPus) yang menarik balik keputusannya untuk tidak lagi melabur di negara-negara Asia Tenggara kerana tempat-tempat itu dianggap tidak selamat, Perdana Menteri berkata beliau juga senang hati yang Calpus telah mengkaji semula pandangan mereka.

"Kita menyaksikan satu lagi institusi yang mengkaji semula pandangannya mengenai Malaysia khususnya Asia Tenggara.

"Pandangan mereka sebelum ini tidak betul kerana ia dibuat tanpa siasatan mendalam," katanya.

Kebanyakan mereka menggunakan laporan-laporan akhbar yang "cetek" yang tidak memberi gambaran sebenar mengenai sesebuah negara dan laporan-laporan itu dibuat oleh mereka yang mempunyai agenda tersendiri, katanya.

"Oleh itu laporan mereka adalah silap dan sesiapa yang membuat keputusan berdasarkan kepada laporan-laporan media ini sudah pasti akan membuat keputusan yang salah," katanya.

"Saya senang hati yang CalPus kini telah mengkaji semula pandangan

mereka terhadap Asia Tenggara... Saya percaya semasa terbitan bon baru-baru ini CalPus merupakan antara dana yang mahu membeli bon-bon Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

AZZ HS PR